

12 NOV 2001

Mahathir-PPRT

PERDANA MENTERI KESAL WANG PROGRAM PPRT DISELEWENG

PUTRAJAYA, 12 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau kesal dengan perbuatan orang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan wang Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) berjumlah RM40 juta.

Perdana Menteri berkata beliau kesal dengan sikap orang berkenaan "yang melakukan sesuatu yang tidak betul terhadap perkara yang betul".

"Kita (kerajaan) buat nak bagi betul, orang yang bagi tak betul...macam mana kita buatpun orang akan cari lubang sana, lubang sini," katanya kepada media selepas majlis dialog dengan 2,000 guru agama di sini.

Ditanya mengenai laporan dalam Berita Harian hari ini bahawa separuh daripada wang itu digunakan untuk kempen pilihan raya umum 1999 di bahagian tertentu di Kelantan, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menunggu hasil siasatan mengenai perkara itu.

"Kita kena tunggu dulu...laporan seperti itu kita tentukan sahah atau tidak...sesetengah orang buat macam-mana bila kita tanya tiada bukti," katanya.

Di Kuala Lumpur, polis akan mengumumkan minggu depan, hasil siasatan kes salah guna wang PPRT itu dan juga kes penyelewengan lebih RM8 juta di Tabung Haji.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Salleh Mat Som berkata polis akan mengumumkan hasil siasatan kes berkenaan dalam sidang media yang akan Isnin depan.

"Kita akan siarkan hasil siasatan PPRT, kes Tabung Haji dan satu lagi kes besar yang memeranjatkan," katanya dalam sidang media di ibu pejabat polis Bukit Aman di sini, hari ini.

Jumaat lepas polis dilaporkan menahan seorang pengarah syarikat berumur 40-an di Pulau Pinang bagi membantu kes penyelewengan wang PPRT itu.

Ketika ini kes berkenaan di klasifikasikan sebagai tipu mengikut Seksyen 420 Kanun Kesiksaan, katanya.

-- BERNAMA

AKT SHI AFY MAI